

TERMA & SYARAT

<u>Penganjur:</u>	F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (Co. No. 004594-A)								
<u>Peraduan:</u>	F&N BELI, TEBUS & MENANG (“Promosi”).								
<u>Tempoh Peraduan:</u>	Peraduan bermula dari 00:00:00, 01/10/2023 dan berakhir pada 23:59:59, 29/11/2023. Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.								
<u>Kelayakan:</u>	Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur lapan belas (18) dan ke atas dengan kad pengenalan (MyKad) yang sah pada masa penyertaan semasa Tempoh Peraduan, kecuali kakitangan serta anggota keluarga terdekat Penganjur, syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Penganjur.								
<u>Produk Turut Serta:</u>	<p>1. Produk-produk F&N Dairy turut serta (“Produk”) adalah:</p> <table border="1" style="margin-left: auto; margin-right: auto;"><tr><td style="text-align: center;">SWEETENED CONDENSED MILK</td></tr><tr><td>F&N Sweetened Condensed Milk Full Cream (392g)</td></tr><tr><td>F&N Sweetened Creamer with Calcium (390g, 500g, 1kg)</td></tr><tr><td>F&N Sweetened Creamer Teh Tarik (500g, 2.5kg)</td></tr><tr><td>F&N Sweetened Creamer Vitaminised (500g, 1kg)</td></tr><tr><td style="text-align: center;">EVAPORATED MILK</td></tr><tr><td>F&N Evaporated Filled Milk (390g)</td></tr><tr><td>F&N Evaporated Creamer (390g)</td></tr></table>	SWEETENED CONDENSED MILK	F&N Sweetened Condensed Milk Full Cream (392g)	F&N Sweetened Creamer with Calcium (390g, 500g, 1kg)	F&N Sweetened Creamer Teh Tarik (500g, 2.5kg)	F&N Sweetened Creamer Vitaminised (500g, 1kg)	EVAPORATED MILK	F&N Evaporated Filled Milk (390g)	F&N Evaporated Creamer (390g)
SWEETENED CONDENSED MILK									
F&N Sweetened Condensed Milk Full Cream (392g)									
F&N Sweetened Creamer with Calcium (390g, 500g, 1kg)									
F&N Sweetened Creamer Teh Tarik (500g, 2.5kg)									
F&N Sweetened Creamer Vitaminised (500g, 1kg)									
EVAPORATED MILK									
F&N Evaporated Filled Milk (390g)									
F&N Evaporated Creamer (390g)									
<u>Kaedah Penyertaan:</u>	<p>1. Promosi ini terdiri daripada 2 (dua) bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none">a. Penebusan, danb. Peraduan – Semua Penyertaan Layak yang diterima untuk Penebusan akan menyertai Peraduan secara automatik. <p>2. Untuk menyertai Peraduan dan menebus PIN Tambah Nilai eWallet RM5, peserta perlu membeli Produk bernilai minima Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) sahaja dalam satu resit (“Resit”) dari mana-mana outlet dalam kedai (“Outlet”) di Malaysia semasa Tempoh Peraduan.</p> <p>3. Resit perlu dalam bentuk resit bercetak dari sistem “point of sale” Outlet. Resit mesti mengandungi butiran pembelian Produk, tarikh pembelian, jumlah pembelian, nombor resit dan nama dan/atau logo Outlet (“Butiran Resit”).</p> <p>4. Resit sebagai bukti pembelian diperlukan untuk peserta menghantar penyertaan mereka. Penganjur tidak menerima sebarang pindaan Resit dalam apa jua bentuk. Resit Invois Cukai Bertulis, Pesanan Belian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima.</p>								

	<p>5. Kaedah penyertaan adalah melalui WhastApp sahaja. Setiap Resit HANYA layak untuk satu (1) penyertaan melalui WhatsApp. Peserta boleh menghantar setiap Resit sekali sahaja. Penganjur berhak membatalkan mana-mana Resit dengan butiran yang tidak lengkap, dicetak semula, berulang, tidak boleh dibaca, tidak jelas, rosak dan/atau dalam apa jua bentuk yang tidak memenuhi syarat pada pendapat Penganjur. Semua Resit yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa notis lanjut kepada Peserta.</p>
<p><u>Penyerahan Penyertaan:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyertaan WhatsApp: <ol style="list-style-type: none"> a. Imbas Kod QR dan hantar “consentWA” melalui WhatsApp ke 6018 228 3911 dari mana-mana nombor telefon bimbit yang didaftarkan di Malaysia untuk menyertai. Dengan menghantar mesej ini, peserta telah memberikan persetujuan mereka untuk menerima komunikasi lanjut daripada Penganjur melalui WhatsApp. Setiap peserta hanya perlu memberikan persetujuan mereka sekali sahaja. b. Peserta mesti menulis nama penuh mereka seperti dalam MyKad, 6 digit nombor MyKad pertama dan negeri kediaman mereka (“Butiran Peribadi”) di hadapan Resit. c. Tangkap satu (1) gambar/imej Resit <u>yang jelas dan boleh dibaca</u> dalam format JPEG dengan Butiran Peribadi dan Butiran Resit (“Imej”). Butiran Resit mesti ditunjukkan dengan jelas dan boleh dibaca dalam Imej. Satu (1) Imej hanya layak untuk satu (1) Penyertaan sahaja. d. Penganjur akan auto-balas dengan menghantar mesej perakuan penerimaan bagi Penyertaan pertama yang diterima oleh setiap nombor telefon bimbit sahaja. 2. Peserta boleh menghantar beberapa Penyertaan yang mereka inginkan. Penganjur akan ekstrak semua Penyertaan yang diterima untuk diproses selanjutnya. Semua Penyertaan yang diterima adalah tertakluk kepada semakan dan pengesahan Penganjur. Penganjur berhak untuk menolak, membatalkan kelayakan dan/atau mana-mana Penyertaan dengan gambar/imej yang tidak jelas, tidak boleh dibaca atau tidak lengkap, Bukti Pembelian dicetak semula, Bukti Pembelian berganda, mengandungi lebih daripada satu Bukti Pembelian, Penyertaan lewat (iaitu: Penyertaan diterima selepas 23:59:59, 29/11/2023) dan/atau dalam apa jua bentuk yang tidak memenuhi keperluan peraduan mengikut budi bicara mutlaknya tanpa notis. 3. Penganjur berhak untuk meminta salinan cetak Resit asal sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit asal apabila diminta akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah. 4. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan peserta sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.
<p><u>Penebusan:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penebusan PIN Tambah Nilai eWallet RM5 dibahagikan kepada dua (2) kategori seperti di bawah: <ol style="list-style-type: none"> a. <u>Peserta yang menetap di Peninsular Malaysia:</u> Satu (1) PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet RM5.

b. Peserta yang menetap di Malaysia Timur
Satu (1) Kod Penebusan Kredit Boost RM5.

2. Setiap Peserta boleh menebus PIN Tambah Nilai eWallet RM5 beberapa banyak mereka inginkan sepanjang Tempoh Penebusan. Penebusan adalah berdasarkan "siapa cepat, dia dapat" dan terhad kepada sembilan ribu (9000) penyertaan layak terlebih dahulu ("Penyertaan Layak") yang diterima setiap bulan sepanjang Tempoh Penebusan. Terdapat sejumlah lapan belas ribu (18000) PIN Tambah Nilai eWallet RM5 untuk ditebus sepanjang Tempoh Penebusan.
3. Sekiranya jumlah Pin Tambah Nilai eWallet RM5 telah ditebus sepenuhnya, Penganjur akan mengemas kini status di FB: www.facebook.com/my/FNDairies dan di laman web: <https://www.fn.com.my/promotions-contests/>.
4. Bagi setiap Penyertaan Layak yang diterima, Peserta hanya boleh menebus satu (1) PIN Tambah Nilai eWallet RM5 tanpa mengambil kira sebarang jumlah yang dibeli melebihi pembelian minima dalam satu Resit.
Sebagai contoh:
 - Jika Peserta A yang menetap di Peninsular Malaysia membeli RM20.80 Produk dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, dia berhak menebus satu (1) PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet RM5 sahaja.
 - Jika Peserta B yang menetap di Malaysia Timur membeli RM40.80 Produk dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, dia berhak untuk menebus satu (1) Kod Penebusan Kredit Boost RM5.
5. Semua kod PIN Tambah Nilai eWallet RM5 akan dihantar oleh pembekal perkhidmatan Penganjur melalui WhatsApp Nombor: **6018 228 3911** ke nombor telefon bimbit yang Penganjur menerima Penyertaan Layak dalam tempoh dua puluh (20) hari kerja daripada tarikh penyerahan Penyertaan tersebut.
6. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya mana-mana kod PIN Tambah Nilai e-Wallet RM5 tidak dapat dihantar atau disampaikan kepada Pemenang atas sebab sebarang perubahan atau perbezaan nombor hubungan yang diserahkan oleh pemenang kepada Penganjur semasa Penyerahan Peraduan.
7. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat vendor dan pihak yang mengatur dan menyediakan PIN Tambah Nilai eWallet. Berikut adalah terma dan syarat vendor-vendor tersebut:
 - i. Penggunaan PIN Tambah Nilai Touch 'n Go eWallet adalah tertakluk kepada Terma & Syarat Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG Digital Sdn Bhd); <https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf>
 - ii. Penggunaan Kod Penebusan Kredit Boost adalah tertakluk kepada Terma & Syarat Axiata Digital eCode Sdn Bhd; <https://www.myboost.com.my/terms/>
8. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk melanjutkan tempoh masa penghantaran kod PIN Tambah Nilai eWallet RM5 sebagaimana yang Penganjur menganggap sesuai. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya kod PIN Tambah Nilai eWallet RM5 tidak diterima atau terdapat lewat penghantaran kepada Peserta.

	<p>9. Semua kod PIN Tambah Nilai eWallet RM5 yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur seperti yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah yang bernilai sama, pada bila-bila masa tanpa notis mengikut budi bicara mutlak.</p>								
<p><u>Peluang Kemenangan Peraduan:</u></p>	<p>1. Semua Penyertaan yang layak diterima oleh Penganjur semasa Tempoh Promosi akan menyertai Peraduan secara automatik dan diberikan peluang kemenangan dalam bentuk nombor bersiri mengikut turutan berdasarkan jumlah yang dibeli seperti yang dinyatakan dalam Resit yang diserahkan.</p> <p>2. Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri mengikut jumlah pembelian seperti yang dinyatakan dalam Resit yang dihantar. Untuk setiap Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20), Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri maksima sehingga sepuluh (10) nombor bersiri. Sebarang jumlah baki dalam Resit akan dilucutkan jika nombor bersiri maksima telah diperuntukkan dalam setiap Resit. Sila rujuk kepada klausa Pemilihan Pemenang di bawah.</p> <p><u>Sebagai contoh:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Jika anda membeli Produk berjumlah RM20.80 dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri. • Jika anda membeli Produk berjumlah RM259.50 dalam satu Resit semasa Tempoh Peraduan, Penganjur akan memperuntukkan sepuluh (10) nombor bersiri. <p>3. Satu set nombor bersiri akan diberikan kepada semua Penyertaan Layak mengikut tarikh dan masa diterima bermula dari nombor bersiri "1". Sila rujuk kepada klausa Pemilihan Pemenang Hadiah di bawah.</p>								
<p><u>Hadiah Mingguan Peraduan:</u></p>	<p>1. Terdapat dua puluh lapan (28) Hadiah Mingguan iaitu satu (1) Periuk 'cast iron' DELIGHTO 30cm yang bernilai RM639 untuk dimenangi setiap minggu selama lapan (8) minggu berturut-turut sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>2. Terdapat sejumlah dua ratus dua puluh empat (224) Hadiah untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>3. Lapan (8) tempoh mingguan adalah seperti berikut:</p> <table border="0" style="width: 100%;"> <tr> <td>Minggu 1: 01/10/2023 – 07/10/2023</td> <td>Minggu 2: 08/10/2023 – 14/10/2023</td> </tr> <tr> <td>Minggu 3: 15/10/2023 – 21/10/2023</td> <td>Minggu 4: 22/10/2023 – 28/10/2023</td> </tr> <tr> <td>Minggu 5: 29/10/2023 – 04/11/2023</td> <td>Minggu 6: 05/11/2023 – 11/11/2023</td> </tr> <tr> <td>Minggu 7: 12/11/2023 – 18/11/2023</td> <td>Minggu 8: 19/01/2023 – 29/11/2023</td> </tr> </table>	Minggu 1: 01/10/2023 – 07/10/2023	Minggu 2: 08/10/2023 – 14/10/2023	Minggu 3: 15/10/2023 – 21/10/2023	Minggu 4: 22/10/2023 – 28/10/2023	Minggu 5: 29/10/2023 – 04/11/2023	Minggu 6: 05/11/2023 – 11/11/2023	Minggu 7: 12/11/2023 – 18/11/2023	Minggu 8: 19/01/2023 – 29/11/2023
Minggu 1: 01/10/2023 – 07/10/2023	Minggu 2: 08/10/2023 – 14/10/2023								
Minggu 3: 15/10/2023 – 21/10/2023	Minggu 4: 22/10/2023 – 28/10/2023								
Minggu 5: 29/10/2023 – 04/11/2023	Minggu 6: 05/11/2023 – 11/11/2023								
Minggu 7: 12/11/2023 – 18/11/2023	Minggu 8: 19/01/2023 – 29/11/2023								
<p><u>Pemilihan Pemenang Hadiah Peraduan:</u></p>	<p>1. Nombor bersiri yang diperuntukkan kepada Penyertaan yang berlayak sepanjang Tempoh Promosi akan disusun kira dan dibahagikan dengan dua puluh lapan (28) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Mingguan. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.</p> <p><u>Sebagai contoh:</u> Jika nombor bersiri Penyertaan yang berlayak untuk peraduan berjumlah 1422, 1422 akan dibahagikan dengan 28 dan mendapati 50.79. Nombor bersiri kemenangan pengganda dalam kes ini adalah 50. Dua puluh lapan (28)</p>								

	<p>Penyertaan Layak diperuntukkan dengan nombor bersiri dengan penganda 50 iaitu: 50, 100, 150, 200, 250, 300, 350 dan seterusnya akan dipilih sebagai Finalis.</p>
<p><u>Penebusan Hadiah Peraduan:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pihak Penganjur akan menghubungi semua Finalis melalui WhatsApp daripada nombor 6018 228 3911 ke nombor telefon bimbit yang Penganjur menerima Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberi satu (1) soalan untuk dijawab melalui WhatsApp. Finalis terpilih mesti menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Sekiranya Finalis terpilih gagal menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang ditetapkan dalam WhatsApp, Finalis terpilih akan hilang kelayakan dan digantikan oleh Finalis nombor bersiri seterusnya selepas nombor bersiri Finalis. 2. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab. 3. Pemenang mesti membekalkan butiran peribadi seperti Nama Penuh di MyKad, nombor MyKad, alamat penghantaran untuk pengesahan dan penebusan hadiah melalui WhatsApp. Atas budi bicara mutlak Penganjur, kegagalan untuk memberikan butiran peribadi akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pembatalan hadiah. 4. Sepanjang Tempoh Peraduan setiap Peserta hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah. 5. Semua hadiah akan dihantar kepada Pemenang dalam tempoh 6 - 8 minggu dari tarikh tamat Peraduan ke Alamat Penghantaran yang diberikan oleh Pemenang melalui WhatsApp. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan atas sebab-sebab yang di luar kawalan Penganjur. 6. Semua pemenang mesti mematuhi terma & syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah. Penganjur berhak untuk menarik balik Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan dan Terma dan Syarat Hadiah. 7. Penganjur tidak membuat sebarang jaminan atau representasi berkenaan dengan Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah dan/atau kerosakan yang timbul daripadanya. 8. Iklan Keputusan Pemenang akan dipaparkan di laman web Penganjur di: https://www.fn.com.my/promotions-contests/.
<p><u>Tarikh Tamat Penyertaan:</u></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59, 29/11/2023. Mana-mana Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p><u>Liabiliti Tanggungjawab</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gambar Hadiah yang ditunjukkan pada bahan Promosi adalah untuk tujuan gambaran sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah adalah tertakluk kepada Terma & Syarat Hadiah yang akan disertakan dengan hadiah dan

dan Hak
Penganjur:

dinyatakan dalam surat pengakuan pemenang. Nilai hadiah adalah tepat pada masa pencetakan.

2. Penebusan hadiah bergantung kepada ketersediaan hadiah dan akan dimaklumkan oleh Penganjur dari semasa ke semasa. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu atas budi bicara mutlakny.
3. Pemenang mesti menerima Hadiah dalam keadaan 'sedia ada'. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh dikembalikan dan/atau tidak boleh ditukar dengan wang tunai dan/atau kredit, dengan barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya. Penganjur tidak akan menerima sebarang aduan mengenai kualiti dan kuantiti hadiah setelah hadiah diambil oleh pemenang.
4. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa dan selepas pengambilan hadiah. Sebarang kos tambahan (iaitu tapi tidak terhad kepada perbelanjaan perjalanan dan cukai yang dikenakan) yang terlibat dalam penebusan atau pengambilan hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
5. Semua Peserta bersetuju untuk memikul liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya yang dibenarkan oleh undang-undang sekiranya berlaku sebarang kehilangan, kemalangan, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang dialami akibat penyertaan mereka dalam Promosi ini, penebusan dan/atau penggunaan hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan memastikan Penganjur bebas dan dikecuali daripada sebarang liabiliti.
6. Penganjur berhak untuk membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Peraduan, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu.
7. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan sekiranya Peserta tidak mematuhi Terma dan Syarat Peraduan.
8. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Peraduan adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat-menyurat akan dilayan.
9. Penyertaan dalam Promosi ini dan penerimaan sebarang hadiah merupakan persetujuan peserta kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar Peserta yang tidak boleh dibatalkan bagi tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan atau notis yang perlu diberi kepada Peserta terlebih dahulu.
10. Penganjur boleh mengikut budi bicara mutlakny untuk meminda mana-mana Terma dan Syarat yang ditetapkan di sini tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Semua perkara yang berkaitan dengan Promosi ini adalah muktamad dan mengikat semua Peserta Promosi ini, dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan. Penganjur berhak untuk mengubah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi, mekanisme Promosi, hadiah atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa sebarang notis terlebih dahulu. Untuk mengelakkan keraguan,

	<p>sebarang perubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur terhadap hadiah peraduan tidak akan melayakkan Peserta untuk menuntut apa-apa pampasan terhadap Penganjur (dalam bentuk tunai atau barangan) atas mana-mana dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Peserta sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan perubahan, pembatalan, penamatan atau penggantungan.</p> <p>11. Penganjur tidak bertanggungjawab kepada apa-apa penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau keadaan lain yang tidak dijangka di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p>
<p>Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010:</p>	<p>1. Notis bertulis (“Notis”) ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda akan diproses oleh pihak F&N Beverages Marketing Sdn Bhd (“F&N” atau “kami”). Tambahan lagi, dengan mengemukakan borang Peraduan ini, anda telah mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendak dari anda dalam borang Peraduan ini. F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda memberikan kepada F&N, untuk tujuan mengendalikan promosi dan menghubungi anda (jika perlu).</p> <p>2. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut telah dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi dengan menghantar e-mel ke penyedia perkhidmatan di fulfilment@omniteam.com.my. Sekiranya terdapat sebarang konflik antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai berbanding versi Bahasa Malaysia.</p> <p>3. Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan anda sekiranya anda tidak bersetuju untuk memberi persetujuan atas pengumpulan data peribadi anda tanpa sebarang notis awal mengikut budi bicara mutlak.</p>
<p>Terma Lain:</p>	<p>1. Dengan menyertai Promosi ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian.</p>

- | | |
|--|--|
| | <ol style="list-style-type: none"><li data-bbox="339 134 1490 291">2. Terma & Syarat Promosi ini disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan antara semua versi yang disediakan, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat Peraduan yang boleh didapati di laman web https://www.fn.com.my/promotions-contests/ akan diguna pakai.<li data-bbox="339 324 1490 412">3. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila kunjungi Laman Web Penganjur di: https://www.fn.com.my/promotions-contests/. |
|--|--|